

Isu ceroboh data dibawa ke Kabinet

Oleh Zanariah Abd Mutalib - Ogos 13, 2022 @ 4:50pm
zanariah_mutalib@bh.com.my



Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob

SERDANG: Isu berhubung insiden pencerobohan data penyedia perkhidmatan gerbang pembayaran, iPay88 (M) Sdn Bhd akan dibincangkan pada mesyuarat Kabinet minggu depan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata terdapat beberapa cadangan yang dibangkitkan berikutan insiden itu termasuk penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi menyiasat kes pencerobohan data yang berlaku sejak beberapa tahun lalu.

"Perkara itu kita akan bawa ke Kabinet sebab ada cadangan mengenai penubuhan RCI dan beberapa lagi. Jadi, kita akan bawa ke Kabinet," katanya selepas melawat Pavilion Pahang di Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2022 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS), di sini, hari ini.

Kelmarin, media melaporkan iPay88 mengesahkan berlaku insiden keselamatan siber yang mungkin menjelaskan data kad pengguna.

Dalam kenyataan, iPay88 dilaporkan berkata sejak 31 Mei lalu, ia sudah menggunakan pakar keselamatan siber bagi membendung isu berkenaan.

Kenyataan itu turut menjelaskan, siasatan sedang dijalankan dan mereka bekerjasama rapat dengan pihak berkuasa serta pihak lain yang berkaitan berhubung pelanggaran keselamatan itu.

Berikutan insiden itu, Pengarah Komunikasi Pakatan Harapan (PH), Fahmi Fadzil menggesa kerajaan menubuhkan RCI bagi menyiasat insiden pencerobohan, kecurian dan kebocoran data peribadi sejak lima tahun kebelakangan ini.